

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : INDUSTRI SME

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha SITEC untuk memberdaya industri SME dalam bidang e-commerce bagi meningkatkan sumbangan industri tersebut kepada KDNK negara?

JAWAPAN:

- a) Selangor Information Technology & E-Commerce Council atau lebih dikenali sebagai SITEC adalah pemacu utama dalam mempromosikan ekonomi digital di Selangor melalui program-program yang berkaitan E-Commerce, Startups dan Smart City. Anggaran kesan ekonomi (GMV) yang dicapai oleh SITEC ialah RM 93 Juta.

Inkubator SITEC yang berkeluasan 11,000 kaki persegi atau lebih dikenali sebagai Selangor Digital Creative Centre (SDCC) telah di anugerahkan status Malaysia Digital Hub oleh MDEC. The Malaysian Digital Hub ini adalah inisiatif untuk membantu memberikan ruang kerja (Co-working Space) kepada Syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menghubungkan mereka dengan ekosistem perniagaan digital di ASEAN dan peringkat global dengan lebih berkesan dan ini adalah merupakan sebuah pengiktirafan yang besar kepada usaha-usaha SITEC untuk membangunkan startup di Selangor. Antara kelebihan yang diperolehi daripada Digital Hub ini adalah seperti:

- Pengecualian cukai koprak kepada Syarikat Teknologi Startup tempatan dan antarabangsa.
- Program teknologi usahawan
- Akses kepada pembiayaan (Funding)
- Kejurulatihan dan bimbingan (Coaching)
- Tawaran kos yang rendah untuk menjalankan perniagaan berteraskan jalur lebar atau internet
- Kebebasan pemilikan bagi syarikat asing untuk melabur

Rakan strategik SITEC di dalam pendidikan e-dagang, Mystartr, juga telah menandatangani kerjasama dengan Alibaba-Taobao Universiti untuk membawa masuk kursus keusahawanan global Alibaba yang mempromosikan Cross Border

E-Commerce untuk membantu pedagang Selangor meningkatkan eksport dan menembusi pasaran luar negara.

Melalui Program SITEC Online 100 dan SITEC Apps 100 yang dianjurkan. SITEC telah melatih seramai 425 SME di Selangor yang menjalankan perniagaan secara atas talian (online) dengan jumlah dagangan kasar yang di dicatatkan sebanyak RM10.3 juta ringgit sepanjang program ini dijalankan.

SITEC juga telah menjalankan kelas e-Dagang secara percuma kepada SME untuk mereka menambahkan kemahiran dan pengetahuan berkenaan dengan dunia e-Dagang yang akan dapat diaplikasikan kepada perniagaan mereka. Kesan daripada jumlah dagangan tersebut kita dapat lihat bagaimana perkembangan industri e-Dagang meningkat tidak hanya di peringkat domestic malah di peringkat antarabangsa seperti dengan wujudnya DFTZ yang mana para peniaga SME dapat memasarkan barangan mereka ke luar negara dengan mudah.

SITEC juga telah menjalankan program-program yang membantu syarikat startup dimana program seperti Startup-Quest dan Hackathon telah memberikan pendedahan dan peluang kepada mereka ini untuk mempersembahkan idea-idea baru perniagaan mereka yang boleh dikomersialkan dengan bantuan agensi-agensi kerajaan yang memberikan mereka peluang untuk mendapatkan geran atau pembiayaan. Pada tahun ini SITEC telah menganjurkan *Selangor Accelerator Program 2018 (SAP)* dimana seramai 27 kumpulan Startup telah mengikuti program ini dan melalui program ni, 10 kumpulan terbaik juga telah di pilih untuk mempersembahkan perniagaan mereka di China semasa pameran yang telah dijalankan di Hangzhou dan telah menarik lebih 1 Juta tontonan online semasa ia di jalankan.

SITEC juga telah berjaya menganjurkan tiga persidangan / konvensyen Smart City (2016 - 2018). Antara yang terlibat dan hadir ialah individu, SME, MNC, perkhidmatan kerajaan dan syarikat-syarikat antarabangsa serta kerajaan. Program ini juga telah menarik lebih 20,000 orang sejak 2016. Acara Smart City ini menyentuh topik seperti AI, Blockchain, Cloud, Big Data, Pengangkutan Pintar dan Mobiliti, Pengurusan Sisa dan banyak lagi. Perwakilan dan penceramah antarabangsa daripada China, UK, Indonesia, Sepanyol, Taiwan, Singapura, Barcelona dan Silicon Valley hadir untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dalam pengurusan bandar pintar. Lebih RM 75 juta GMV dari peserta pameran dicapai melalui acara-acara ini juga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : BEG PLASTIK DI SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Selangor akan mengharamkan sepenuhnya penggunaan beg plastik?
- b) Adakah kerajaan akan mengenakan caj atas penggunaan "straw"?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kempen #BebasPlastik mengenakan caj RM0.20 sen bagi setiap beg plastik. Kempen ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna tentang bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan.

Selaras dengan pelaksanaan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* yang telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018, Kerajaan Negeri Selangor akan mengharamkan sepenuhnya penggunaan beg plastik menjelang tahun 2030. Pengharaman penggunaan beg plastik akan dilaksanakan secara berperingkat dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini tidak bercadang untuk mengenakan caj ke atas penggunaan penyedut minuman (*straw*) plastik. Walaubagaimanapun, *straw* minuman plastik tidak diberikan secara *default* kepada pelanggan. *Straw* hanya akan diberikan sekiranya diminta oleh pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN ANAK MUDA LUAR BANDAR

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai skim pemilikan kediaman bagi anak muda luar bandar?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan kearah membantu anak muda luar bandar memiliki kediaman sendiri?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada masa ini tiada mempunyai skim pemilikan kediaman bagi anak muda luar bandar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri masih belum ada perancangan untuk melaksanakan skim tersebut dalam masa terdekat ini. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia berkerjasama dengan anak syarikat kerajaan Negeri seperti PKNS, PNSB dan sebagainya yang berminat untuk melaksanakan skim pemilikan kediaman bagi anak muda luar bandar pada masa akan datang dengan mengenalpasti mana-mana tanah kerajaan yang berpotensi untuk dimajukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan persiapan Kerajaan Negeri untuk menghadapi pilihanraya kerajaan tempatan, seperti yang diumumkan oleh Menteri KPKT akan dilaksanakan dalam masa 3 tahun.

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan masih dalam tindakan untuk mengkaji pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan termasuk perkara yang melibatkan Akta Kerajaan Tempatan 1976(Akta 171) berkaitan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Sehingga kini, sebanyak dua (2) siri bengkel telah diadakan oleh KPKT bagi membincangkan cadangan pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan iaitu pada 12 Julai 2018 dan 8 Oktober 2018, di mana semua Kerajaan Negeri dan beberapa PBT turut dijemput untuk berkongsi pandangan dan idea.

Untuk makluman juga, satu konvensyen Kerajaan Tempatan akan diadakan pada 10 & 11 Disember 2018 yang akan dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri dan salah satu agenda yang akan dibincangkan adalah berkenaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kerajaan Negeri masih menunggu sehingga satu dasar diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan mengenai perkara ini sebelum memutuskan pendirian Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENCEGAHAN DEPOH KONTENA DI KAMPUNG TRADISI

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah depoh kontena haram yang berada di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah yang menyebabkan kerosakan infrastruktur seperti jalanraya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020, kampung tradisi telah dizonkan sebagai kawasan perumahan. Pihak Majlis melaksanakan pemantauan berterusan dan mengeluarkan notis penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pembangunan haram di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Tindakan pendakwaan ke mahkamah diambil jika pemilik tanah/pengusaha masih ingkar dengan notis yang telah disampaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MEMBINA HOSPITAL BARU DI KAWASAN LUAR BANDAR

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Orang kampung sangat memerlukan hospital. Adakah kerajaan Selangor akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk membina hospital baru di kawasan dun Sungai Pelek malah kawasan luar bandar lain di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan hospital adalah di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, bagi menampung keperluan penduduk di luar bandar, kerajaan persekutuan juga menyediakan klinik-klinik kesihatan yang terletak berhampiran dengan penduduk di kawasan luar bandar.

Dengan adanya pelaksanaan Skim Peduli Sihat oleh Kerajaan Negeri, klinik panel Skim Peduli Sihat dapat membantu mengurangkan kesesakan di hospital dan klinik kerajaan dan lebih hampir dengan kawasan luar bandar.

Di dalam kawasan Sungai Pelek, terdapat sebanyak 7 klinik panel yang telah berdaftar untuk Program Skim Peduli Sihat. Berikut adalah senarai klinik panel tersebut :

- 1) Klinik Ashfa & Raja (Sungai Pelek)
- 2) Klinik Shrii Sepang (Taman Murni)
- 3) Klinik Velayutham (Sungai Pelek)
- 4) Klinik Sri Singam (Sungai Pelek)
- 5) Klinik I-Care (Sungai Pelek)
- 6) Poliklinik Penawar (Sungai Pelek)
- 7) Klinik RS Shiva Sdn Bhd (Bandar Baru Salak Tinggi)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : UNISEL

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan UNISEL boleh bersaing dengan Universiti lain?
- b) Nyatakan prestasi kewangan dan perbelanjaan UNISEL.
- c) Nyatakan prestasi rekrut di UNISEL sejak tahun 2006.

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan UNISEL boleh bersaing dengan universiti lain , perkara-perkara berikut telah dan sedang dilakukan:
 - 1. Program yang ditawarkan dikaji dari segi kesesuaian kurikulum bagi menepati kehendak dan keperluan industri;
 - 2. Mewujudkan program yang mempunyai *niche* yang senang dipasarkan;
 - 3. Mewujudkan Panel Penasihat Program bagi memastikan program menepati peralihan zaman;
 - 4. Memperuntukan belanjawan yang mencukupi bagi pemasaran program-program Universiti di dalam dan luar negara;
 - 5. Memastikan barisan Pengurusan tertinggi universiti berwibawa dan berpengalaman luas dalam bidang kepakaran dikehendaki serta mempunyai *track record* perkhidmatan terbaik;
 - 6. Pemilihan barisan keahlian di peringkat Lembaga Pengarah dan Lembaga Universiti adalah mereka yang berwibawa, berpengetahuan baik dari segi akademik atau pengurusan serta berlatar belakang yang pelbagai;

7. Terus memperbaiki (*upgrade*) prasarana Universiti, pengajaran dan pembelajaran serta suasana kampus bertaraf kelas pertama;
8. UNISEL adalah universiti kerajaan negeri, peruntukan geran pendidikan dan penyelidikan diutamakan. Ini kerana jumlah geran penyelidikan dapat meningkatkan kesetaraan universiti di peringkat penarafan Institusi Pengajian Tinggi;
9. Menambah bilangan pensyarah berkelulusan Phd. di dalam semua bidang;
10. Menjadikan UNISEL kampus hijau (*green campus*) yang cukup menawan dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar di sini;
11. Memberi pelajaran percuma di peringkat matrikulasi kepada pelajar jurusan kejuruteraan, sains dan komputer.

b) Prestasi kewangan dan perbelanjaan UNISEL.

UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)	DERAF		
	2016	2017	Oct-18
	RM	RM	RM
<u>Pendapatan</u>			
Pendapatan Yuran	80,205,605	79,778,496	63,914,911
Pendapatan Operasi Lain	27,832,295	2,244,621	1,590,804
Geran Kerajaan Negeri	25,117,378	23,038,374	32,251,631
Jumlah Pendapatan	133,155,278	105,061,491	97,757,347
<u>Kos Operasi</u>			
Kos Penggajian	57,100,477	56,385,002	50,097,094
Susut Nilai	13,056,325	13,343,705	16,619,951
Kos Operasi Lain	23,973,739	23,030,101	17,936,095
Faedah BalDS	5,920,000	5,072,500	4,210,000
Cukai Input GST	1,074,357	1,251,300	552,106
Jumlah Kos Operasi	101,124,898	99,082,608	89,415,246
Keuntungan / (Kerugian) Dari Operasi	32,030,380	5,978,883	8,342,101
Kos Kewangan	1,986,603	1,986,603	-
Keuntungan / (Kerugian) Sebelum Cukai	30,043,776	3,992,280	8,342,101

c) Prestasi rekrut di UNISEL sejak tahun 2006.

TAHUN	LANTIKAN BAHARU		JUMLAH
	BAHAGIAN AKADEMIK	BAHAGIAN PENTADBIRAN	
2006	61	34	95
2007	100	87	187
2008	97	61	158
2009	58	37	95
2010	74	47	121
2011	34	47	81
2012	42	64	106
2013	31	41	72
2014	15	13	28
2015	31	18	49
2016	23	27	50
2017	23	24	47
2018	28	31	59

Nota

***ini adalah lantikan baharu sahaja**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SISTEM PENDAFTARAN PEMAJU (SPEM)

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemaju perumahan yang berdaftar di LPHS sejak Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM) diwujudkan.
- b) Adakah LPHS pernah menyenaraihitamkan dan mengedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) nama-nama Ahli Lembaga Pengarah pemaju yang bermasalah? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM) telah dikuatkuasakan bermula pada tahun 2007. Sehingga bulan November 2018 jumlah pemaju perumahan berdaftar di LPHS melalui SPEM berjumlah 1,426 melibatkan 2,495 projek.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS pernah menyenaraihitamkan dan mengedar kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) nama-nama Ahli Lembaga Pengarah pemaju yang bermasalah melalui carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Oleh itu, pemaju bermasalah tidak dibenarkan untuk mendaftar pembangunan pemajuan mereka melalui SPEM di peringkat LPHS sebagai langkah awal bagi memastikan pemaju tidak melaksanakan sebarang pembangunan di Negeri Selangor. Senarai pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah tersebut adalah seperti di Lampiran A.

BIL	PEMAJU
1	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.
2	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.
3	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.
4	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd. (Digulung)
5	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)

6	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.
7	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
8	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd (Dibubar melalui Perintah Mahkamah Pada 15/9/2017)
9	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.
10	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd.
11	Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)
12	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.
14	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd.
15	Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.
16	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.
17	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
18	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)
19	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.
20	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd.
21	Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.
22	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.
23	Tetuan Binalif Bina Sdn. Bhd.
24	Tetuan Suasana Ehsan Sdn. Bhd.
25	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
26	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
27	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.
28	Tetuan Chong Hin Development Sdn Bhd (Digulung)
29	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)
30	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)
31	Tetuan Damai Bistari Sdn. Bhd.
32	Tetuan Scenic Marina Sdn. Bhd.

33	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)
34	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)
35	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung)
36	Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd.
37	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.
38	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.
39	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.
40	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
41	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.
42	Tetuan Safa Corporation Sdn. Bhd.
43	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd
44	Tetuan Kamara Land Sdn. Bhd.
45	Tetuan Anglo Properties Sdn. Bhd.
46	Tetuan Anjung Properties Sdn. Bhd.
47	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung)
48	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.
49	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.
50	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd. (Digulung)
51	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd. (Digulung)
52	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd.
53	Tetuan MBO Mega Development Sdn. Bhd.
54	Tetuan Ikatan Darma Sdn. Bhd.
55	Tetuan Karisma Housing Development Sdn. Bhd.
56	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.
57	Tetuan MBO Mega Development Sdn. Bhd.
58	Tetuan Aras Dimensi Sdn. Bhd. (Digulung)
59	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.

60	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.
61	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
62	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.
63	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.
64	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.
65	Tetuan Syahira Properties Sdn. Bhd.
66	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung)
67	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.
68	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd. (Dibatalkan pada 9 Julai 2008)
69	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)
70	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)
71	Tetuan Manco Sdn. Bhd.
72	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.
73	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)
74	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd
75	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)
76	Oridua Construction Sdn. Bhd.
77	Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.
78	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.
79	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.
80	Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd.
81	Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.
82	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.
83	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Dibubarkan)
84	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd. (Digulung)
85	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd. (Digulung)

BIL	NAMA PEMAJU	NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH
1	Tetuan Chong Hin Development Sdn Bhd (Digulung)	Tan Kah Seong
		Tai Yoke Eng
		Tan Chin Yau (syer)
2	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	Loke Kwok Seong
		Chan Shook Pheng @ Chan Sook Peng

3	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd (Digulung)	Khatijah Binti Haji Abdullah
		Raja Samsul Bin Raja Muhamad
4	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (digulung)	Dato' Dr Rahmat Hidayat Bin Yusop
		Lisanuddin Bin Yusop
5	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	Mohammad Nur Azam Bin Hj Mokhtar
		Mohd Nazri Bin Yahya
		Nazim Bin Hashim
6	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.	Tan Mei Yeng
		Wong Kean Yen
7	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd.	Ruliah Binti Haji Hashim, Datin Hajjah
		Othman Bin Bokhari, Dato, Haji
8	Damai Bistari Sdn Bhd (digulung)	Mohd Rashid Bin Ismail
		Sulaiman Bin Abu
9	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (digulung)	Md Yusof Bin Yeop Ahmad
		Noor Faeza Binti Faeiz
		Faeiz Bin Yeop Ahmad (syer)
		Mohamad Roslan Bin Zainal Abidin (syer)
10	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (digulung)	Mohd Sadzwan Bin Abdullah Sani
		Mohd Sazdli Bin Abdullah Sani
		Mohd Sadzman bin Abdullah Sani
11	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (digulung)	Hider Bin Othaman
		Ismail Bin Othman
12	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	Chan See Chuen
		Chan Li Shaan

		Chan Fatt Cheung
		Chan Chee Chiu
		Micheal Leong Kok Meng
13	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	Tai Chin Tung
		Liu Husheng
		Qin Xiao Lan
14	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.	Zarith Hilwina Sophia Bte Hj Zainal Abidin
		Norazlina Binti Jamaluddin
15	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (digulung)	Tarin Bin Ayub
		Baharin Bin Ayob, Haji
16	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	Che Norlian Binti Mohd Ali
		J. Radzi Bin Abdullah
17	Tetuan Safa Corporation Sdn. Bhd.	Hii Poh Chuoh
		Ting BAng Kong
		Luk Seng Tung
		Chua Chung Toi@Chai Tsen Twei
		Tiong Hu Kieng
18	Syahira Property Sdn Bhd	Aspalela Binti Jamaluddin
		Raja Samsul Bahri Bin Raja Muhammad
19	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd (digulung)	Mohd Weri Bin Mat Zaki
		Zulkifli bin Mohd Aziz
20	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	Hassan Basri Bin Che Ros
		Abdul Malik Bin Abdul Rahim

		Tsen Keng Yam
21	Aras Dimensi Sdn Bhd (Digulung)	Mohamad Fazli Bin Salleh
		Ahmad Iskandar Bin Md. Sulaiman
22	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	Hashim Bin Mohamed
		Lim Yew Jin
23	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	Mohd Rozi Bin Din
		Zawawi Bin Ali
24	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	Tan Mei Yeng
		Wong Kean Yen
25	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	Lee Kuang Chong
		Ong Poay Wah @ Chan poay Wah
26	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd.	Emam Mohd Haniff Bin Emam Mohd Hussain, Datuk
		Hong Lay Chuan
		Liew Yuet Siong
27	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	Tengku Shaiffuliazan Bin Tengku Zainal Abidin
		Roseli Bin Mohd Noh
		Mohd Anuar Bin Ibrahim
28	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd	Zakaria Bin Muda
		Saidi Bin Muda
29	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd.	Leong Sze Eam
		Cheong Foot @ Chong Kon Fot
		Looh Chai Boon
30	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)	M.R. Gopala Krishnan C.R.K Pillai
		Muhd Najib Mohd Rawi

31	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.	Maria Lee bt Abdullah
		Azmi Bin Ahmad
		Johari Bin Abu Hassan
		Pathiadass A/L Ganaratnam

32	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Digulung)	Raja Omar Bin Raja Arif
		Aliza binti Abdul Rashid
33	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd.	Lim Chong Dato' Seri
		Ng Yok Sant, Datin Seri
34	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd. (Digulung)	Aliza Binti Abdul Rashid
		Raja Mansor Shah Bin Raja Kamaruddin
35	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	Mah Kang Fei
		Cheong Swee Ngor
		Kamsiah Binti Kahar
		Mah Kwai Ming
		Mat Saleh Bin Manap
		Mah Ser Yuen
36	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	Muthu Pillai a/l Periannan
37	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	Wisam Bin Hussin
		Md Jamil @ Md Shahril Bin Mohamed
		Khairani Binti Mohamad
38	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd.	Dato' Paduka Khairuddin Bin Abu Hassan
		Chin Chan Leong
39	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	Zarith Hilwina Sophia Binti Hj Zainal Abidin
		Norazlinja Binti Jamaluddin
40	Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.	Hon Yew Thian

		Tan Ai Guat
		Julaiha Binti Zakariah
41	Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. (Digulung)	Kok Sing Kong
		Kok Chi Kong
		Fong Wai @ Foong Kai Ming
42	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	Teh Kian Beng @ The Kian Poh
		Giash Uddin (Juel)
43	Tetuan Décor Mewah Sdn. Bhd.	Gazali Bin Rashid
		Tengku Shaiffuliazan Bin Tengku Zainal Abidin
44	Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.	Halimah Binti Dato Abdul Hamid
		Azman Bin Che Onn
		Nor Hayati Binti Onn
45	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	Tengku Abdul Razak Bin Tengku Zainal Abidin
		Raja Norazura binti Raja Mahmud
46	Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)	Oii Say Hin
		Lim Chuee In
		Jamaluddin Ramli @ Raja Iskandar
47	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd.	Balachandran A/L Kandasamy
		Malliga A/P G.V. Sumathri
		Venkatasamy A/L Sumathri
48	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	Shamsol Bin Ramdzan
		Salasiah Binti Sulai

49	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	Syaifullaoh Bin Imama Muhtasari
		Ummul Masithoh Binti Imama Muhtasari

50	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd.	Masadi Bin Ali Aspar
		Mohammad Ali Bin Buyong

51	Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.	Bahar Bin Abdul Latif
		Mohamed Bin Hussain
52	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	Zawawi Bin Ali
		Mohd Rozi Bin Din
53	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	Abdul Rahman Bin Mat Amin
		Siti Fauziah Binti Mohamad Mohsin
54	Binalif Bina Sdn. Bhd.	Noor aini Binti Hassan @ Mohd Isa
		Che Roslan Bin Abdul Ghani
55	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	Farida Harnum Binti Zainal Abidin
		Syed Kamardin Bin Syed Salim
		Sy Faizal Jamalullil Bin Syed Kamardin
56	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (digulung)	Abdul Aziz Bin Abd. Ghani
		Che Nisah Bt Ibrahim
57	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd. (digulung)	Anwardi Bin Jamil
		Sabihin Bin Radimin, Haji
		Ahmad Nasarudddin Bin Othman
		Ler Cheng Koy
58	Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.	Woo Hock Foo
		Wong Hock Wing
59	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd. (Digulung)	Dato' Sim Bee Ming
		Datin Tan Hui Yean

60	Tetuan Aramin Sdn. Bhd. (digulung)	Amin Husaini Tan Bin Abdullah
		Zuhairul Nadhirin Bin Zainal Abidin
61	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd (digulung)	The Hin @ The Hin Hua
		Yap Yoke Loy
62	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd	Mariena Binti Aziz
		Zawawi Bin Ali
63	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	Mohamed Rafflisufian Zaidi Bin Awang @ sulaiman Zaidi
		Mohamed Rafflizuhodi Zaidi Bin Awang
64	MBO Mega Development Sdn Bhd	Mohd Mokhzaini Bin Mokhtar
		Moraini Binti Monik
		Hassan bin Hussain
		Rokiah Binti Ali
65	Ikatan Darma Sdn Bhd	Norizam bin Yasin
		Norhayati Binti Haji Othman
66	Oridua Construction Sdn. Bhd.	En. Teow Boon Tuan
		En. Soo Choi Lin
67	Coral Vista Sdn. Bhd.	Lim Yik Keong
		Revathi a/p Kanthiah
		Chetty Pooyandhran
		Mooi Kein Seng

		Haji Mahat Bin Mat Yassin
		Chen Ah Kum @ Chen Tam Kim
		Daren Chua Ying Wey
68	Lasah Emas Sdn. Bhd.	Wan Amir Akram Bin Zainal Abidin (syer)
		Mohd Ezrin Bin Mohd Aksan
		Hamzah Bin Bero
69	Kamara Land Sdn. Bhd.	Ahmad Khusairi Bin Bani Hashim
		Mahadi Bin Hj Aman
70	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.	Noor Aida Binti Abdullah
71	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.	Yap Khun Kok
		Siow Kok Kee
72	Scenic Marina Sdn. Bhd.	Mozly Azizi Bin Mohamed
		Pang Yee Hong
		Fong Sau Ching
73	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	Datuk Abdul Rashid Bin Asari
		Mohd Arifin Bin Mohd Arif
74	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)	Chew Siok Cheng
		Mok Pak Hong
75	Tetuan Anjung Properties Sdn. Bhd.	Ahmad Latfi Bin A Rahman
		Ismuhadi Bin Wursita
76	Tetuan Lingkaran Nur	Thiang Lian Thea @ Aminah binti Abdullah
		Ng Yen Hoong

77	Tetuan Sure Meridian Sdn. Bhd.	Zakaria Bin Muda
		Saidi Bin Muda
78	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.	Mahadi Bin Haji Aman
		Ahmad Khusairi Bin Bani Hashim

79	Tetuan Rantai Bumi (M) Sdn. Bhd.	Tan Ai Peng
		Yap Khun Kok Siow Kok Kee
80	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	Sufian Bin Shahabudin
		Nor Hilmi Bin Jaid
81	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)	Ruliah Binti Haji Hashim, Datin Hajjah
		Othman Bin Bokhari, Dato, Haji

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : ISU PENDIDIKAN DI DUN MERU

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah sekolah berkepadatan tinggi di DUN Meru terutamanya di SMK Meru?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina sekolah KAFA di Sungai Kapar Indah yang kini masih lagi menyewa di bangunan kedai?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah membina sebuah sekolah menengah baharu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar dengan kapasiti 28 buah bilik darjah yang telah beroperasi bermula Jun 2018 bagi mengurangkan kepadatan murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru.
- b) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina bangunan KAFA di Sungai Kapar Indah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : SAMPAH SISA PLASTIK

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Bagaimanakah sampah-sampah ini boleh sampai dalam negeri dan pihak manakah yang memberi kelulusan untuk mengimport?
- c) Apakah kaedah yang dirancang untuk melupuskan plastik-plastik ini?

JAWAPAN:

- b) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kebanyakan sisa plastik yang diimport dari luar negara adalah dari negara China, Eropah dan Australia melalui pelabuhan di negeri ini. Pengilang yang memproses bahan plastik, lesen di bawah H.S. Code 3915 perlu diperolehi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sekiranya mengimport sisa plastik dari luar negara.
- c) Berkuatkuasa Januari 2017, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan *Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil.1/2016 Berkaitan Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistrena Di Negeri Selangor* dimana pekeliling tersebut mengarahkan setiap premis seperti pasaraya, kedai serbaneka, restoran terutamanya mengurangkan penggunaan beg plastik dan setiap pengguna yang hendak menggunakan plastik akan dikenakan caj 20 sen sebagai langkah kesedaran tentang kawalan penggunaan plastik di daerah Kuala Selangor. Selain itu juga, di peringkat Majlis Daerah Kuala Selangor penganjuran beberapa program dan kempen berteraskan Kempen Bebas Plastik juga banyak dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk memastikan objektif Kempen Bebas Plastik tercapai. Kerajaan Negeri terutamanya Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor banyak menyumbang dari segi peruntukan untuk mengadakan kempen dan program alam sekitar, kepenggunaan dan kempen bebas plastik supaya masyarakat dan pengguna

memahami akan konsep pembudayaan *zero plastic* terhadap alam sekitar dan amalan seharian secara berperingkat dan berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos perbelanjaan Kerajaan Negeri yang sebenar mengikut tahun sejak program air percuma dilaksanakan pada tahun 2008.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula pelaksanaan program air percuma? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : USAHA PENCEGAHAN DENGGI

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha bersepadu Kerajaan Negeri dalam usaha membasmi masalah denggi di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 17 November 2018 telah merekodkan sebanyak 37,149 kes, berbanding 42,393 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Jumlah kes denggi bagi tahun 2018 menunjukkan pengurangan sebanyak 12% berbanding tahun 2017.

Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 32 kes sehingga 17 November 2018 berbanding 60 kes kematian pada tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 47%. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2018 dan 2017 mengikut daerah :

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2018	2017	2018	2017
Petaling	12,814	12,818	11	13
Klang	9,533	7,249	4	5
Hulu Langat	6,423	12,686	4	28
Gombak	4,535	5,288	1	7
Sepang	1,099	1,711	5	1
Kuala Langat	1,088	1,194	1	2
Hulu Selangor	912	760	1	3
Kuala Selangor	577	507	2	1
Sabak Bernam	159	180	1	0
JUMLAH	37,149	42,393	32	60

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

1. **Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan

program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan

2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

- i. Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon** dengan peruntukan khas yang telah disalurkan kepada setiap Ahli Majlis bagi membantu mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing. Setiap Ahli Majlis perlu mewujudkan Pasukan Denggi di sesuatu lokaliti hotspot seperti COMBI bagi menanamkan rasa kebertanggungjawaban mencegah denggi perlu dilakukan bersama-sama.
- ii. Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi Peringkat Daerah** di mana PBT lain dimobilisasikan ke daerah yang mencatatkan bilangan kes yang tinggi pada sesuatu masa.
- iii. **Pelantikan PCO** melalui PBT bagi membantu mengawal kawasan penularan wabak denggi terutama semasa kes berada di tahap yang tinggi.
- iv. Setiap PBT diminta mengadakan **Taklimat kepada kontraktor pembersihan** terutama kontraktor di bawah lantikan PBT bagi memastikan kerja-kerja yang pembersihan meliputi penghapusan tempat pembiakan aedes.
- v. Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya.

- vi. Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi.
- vii. Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HOTEL BAJET

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet yang berlesen dan tidak berlesen dari 2016-2018 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah tindakan tutup dan saman ke atas hotel bajet dari 2016-2018 mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Jumlah hotel bajet yang berlesen adalah sebanyak 823 premis dan tidak berlesen adalah sebanyak 287 premis dari tahun 2016 sehingga 2018. Berikut adalah perincian mengikut PBT Selangor :

Jadual 1 : Jumlah hotel bajet yang berlesen dan tidak berlesen dari 2016-2018 mengikut PBT

PBT	JUMLAH HOTEL BAJET YANG BERLESEN			JUMLAH HOTEL BAJET YANG TIDAK BERLESEN		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018
MBSA	5	11	4	12	22	17
MBPJ	70	88	88	18	16	10
MPK	47	47	47	0	0	0
MPAJ	13	29	36	2	2	2
MPSJ	0	0	0	0	0	0
MPS	16	18	21	65	52	18
MPKj	11	6	4	0	2	0
MPSp	23	35	39	2	6	11
MDKL	14	15	17	7	7	6
MDHS	2	2	1	2	1	7
PBT	JUMLAH HOTEL BAJET YANG BERLESEN			JUMLAH HOTEL BAJET YANG TIDAK BERLESEN		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018
MDKS	11	13	14	0	0	0
MDSB	26	26	24	0	0	0
JUMLAH	238	290	295	108	108	71

Nota : Sumber data daripada PBT

Nota : MPSJ hanya melesenkan hotel bertaraf satu (1) bintang sahaja

- b) Jumlah hotel bajet yang dikenakan tindakan tutup adalah sebanyak 44 premis manakala jumlah hotel bajet yang disaman adalah sebanyak 391 premis dari tahun 2016 sehingga 2018. Berikut adalah perincian mengikut PBT Selangor :

Jadual 2 : Jumlah hotel bajet yang dikenakan tindakan tutup dan yang disaman dari 2016 sehingga 2018 mengikut PBT:

PBT	JUMLAH HOTEL BAJET YANG DIKENAKAN TINDAKAN TUTUP			JUMLAH HOTEL BAJET YANG DISAMAN		
	2016	2017	2018	2016	2017	2018
MBSA	1	0	2	6	21	16
MBPJ	12	4	4	31	15	38
MPK	0	0	0	0	0	0
MPAJ	0	0	0	12	6	5
MPSJ	10	7	3	38	18	8
MPS	0	0	0	65	52	18
MPKj	0	0	0	0	0	0
MPSp	0	0	0	0	0	0
MDKL	0	0	1	6	7	5
MDHS	0	0	0	2	1	7
MDKS	0	0	0	14	0	0
MDSB	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	23	11	10	160	134	97

Nota : Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KILANG-KILANG HARAM

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani isu kilang-kilang haram di Negeri ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat memberikan statistik pemutihan kilang-kilang haram yang telah berjaya diputihkan dan yang masih belum diputihkan mengikut pecahan kawasan DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Haram (PPKTK) di Negeri Selangor bermula Julai 2006 sehingga 31 Disember 2015. Dalam tempoh tersebut, pelbagai insentif dan kelonggaran dalam aspek teknikal dari pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Jabatan Teknikal telah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah (pengusaha kilang).

Insentif yang diberikan antaranya adalah pengurangan bayaran premium tambahan dan premium sebanyak 50 % jika dibayar dalam tempoh tiga (3) bulan, pengurangan 30 % jika dibayar dalam tempoh enam (6) bulan dan pengurangan 10% jika dibayar dalam tempoh sembilan (9) bulan. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor yang telah diadakan pada 23 Julai 2018 telah memutuskan untuk meneruskan Program Pemutihan Kilang Haram. Namun begitu, Program baharu ini dijenamakan semula sebagai Program Smart Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) 2.0. Program baru ini akan dimuktamadkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam masa yang terdekat.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pemilik berdaftar tanah (pengusaha kilang) yang tidak tersenarai dalam PPKTK. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang yang masih berkuatkuasa.

- b) Maklumat sedia ada dipecahkan mengikut kawasan PBT seperti di **Lampiran A**. Maklumat mengikut kawasan DUN akan dibekalkan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat secepat mungkin.

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Permohonan Tukar Syarat				
			Lot	Kilang	Bil. Permohonan	Lulus	Tolak	Batal	Belum Memohon
1.	PETALING	MBSA	787	817	753	731	6	16	34
		MBPJ	20	20	0	0	0	0	20
		MPSJ	145	252	81	77	4	0	64
2.	KLANG	MBSA	226	227	178	134	7	37	583
		MPK	535	621					
3.	HULU LANGAT	MPKJ	351	428	170	169	18	4	181
		MPAJ							
4.	GOMBAK	MPAJ	0	0	43	28	1	14	94
		MPS	137	157					
5.	SEPANG	MPSp	64	55	2	1	0	1	62
6.	KUALA LANGAT	MDKL	177	197	92	73	15	4	85
7.	KUALA SELANGOR	MDKS	34	149	4	1	0	3	30
8.	HULU SELANGOR	MDHS	23	53	11	5	3	3	12
9.	SABAK BERNAM	MDSB	24	22	12	4	6	2	12
Jumlah			2,523	2,998	1,346	1,223	60	97	1,177

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA DI SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembaikan paip air lama di Selangor?
- b) Apakah status pembaikan paip air lama di 84 "hotspot" terdahulu yang telah dikenalpasti?
- c) Bilakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula senarai "hotspot"?

JAWAPAN:

- a) Air Selangor telah menganugerahkan 20 pakej penggantian paip air lama di 84 kawasan melibatkan jajaran paip sepanjang 435.29 km. 19 kawasan telah pun siap sepenuhnya manakala kerja-kerja penggantian di enam puluh (65) kawasan masih berjalan dan akan siap secara berperingkat.
- b) Status terkini projek penggantian paip bagi 84 hotspots adalah seperti berikut :-

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
1	Gombak Setia	Gombak	2.13	Projek telah siap sepenuhnya.
2	Tmn Sri Gombak		3.58	Projek telah siap sepenuhnya.
3	Tmn Melawati		9.57	Projek telah siap sepenuhnya.
4	Brickfields	Kuala Lumpur	3.93	Projek dalam pembinaan.

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
5	Kg Cheras Baru		3.51	Projek telah siap sepenuhnya.
6	Bandar Tun Razak		1.00	Projek telah siap sepenuhnya.
7	Seksyen 17, Petaling	Petaling	13.29	Projek dalam pembinaan.
8	Kg Sg Kayu Ara		3.75	Projek telah siap sepenuhnya.
9	Tmn Cempaka	Kuala Lumpur	2.83	Projek dalam pembinaan.
10	Bangsar		5.10	Projek dalam pembinaan.
11	Kebun Baru	Kuala Langat	6.60	Projek telah siap sepenuhnya.
12	Batu 9, Kg Kebun Baru		8.00	Projek telah siap sepenuhnya.
13	Bkt Changgang		12.08	Projek telah siap sepenuhnya.
14	Jln Meru	Klang	8.11	Projek dalam pembinaan.
15	Persiaran Kayangan		1.08	Projek telah siap sepenuhnya.
16	Seksyen 5, Bkt Gasing	Petaling	11.14	Projek telah siap sepenuhnya.
17	Kg Baru Subang		8.28	Projek telah siap sepenuhnya.
18	Kg Tasik Permai	Gombak	10.14	Projek telah siap sepenuhnya.

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
19	Tmn Putra Perdana, Puchong	Selangor	10.44	Projek telah siap sepenuhnya.
20	Kg Assam Kumbang	Hulu Selangor	3.47	Projek telah siap sepenuhnya.
21	Bandar Rinching Seksyen 2	Hulu Langat	4.42	Projek telah siap sepenuhnya.
22	Country Heights		8.81	Projek telah siap sepenuhnya.
23	Bandar Rinching Seksyen 5		3.24	Projek telah siap sepenuhnya.
24	Kg Tasek Permai	Gombak	2.91	Projek dalam pembinaan.
25	Jln Syed Mansor KKB	Hulu Selangor	1.20	Projek dalam pembinaan.
26	Seksyen 3, Shah Alam	Klang	6.11	Projek dalam pembinaan.
27	Seksyen 7, Shah Alam		4.20	Projek dalam pembinaan.
28	Tmn Hiew Piow	Hulu Langat	1.78	Projek dalam pembinaan.
29	Country Heights 2		10.37	Projek dalam pembinaan.
30	Taman Putra Perdana	Sepang	10.78	Projek dalam pembinaan.
31	Desa Pinggiran Putra		5.32	Projek dalam pembinaan.
32	Kg Limau Manis		3.70	Projek dalam pembinaan.
33	Tmn Pantai Sepang Putra		8.20	Projek dalam pembinaan.
34	Kg Baru Subang	Petaling	8.40	Projek dalam pembinaan.
35	Kg Melayu Subang		9.40	Projek dalam pembinaan.
36	Tmn Wawasan		5.08	Projek dalam pembinaan.

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
37	Taman Bkt Kuchai		1.83	Projek dalam pembinaan.
38	Kg Desa Aman		2.40	Projek dalam pembinaan.
39	Tmn Sri Serdang		2.50	Projek dalam pembinaan.
40	Kg Sungai Buaya	Kuala Langat	13.82	Projek dalam pembinaan.
41	Kg Sg Kelambu		14.70	Projek dalam pembinaan.
42	Kg Labuhan Dagang		12.69	Projek dalam pembinaan.
43	Selayang Baru	Gombak	9.62	Projek dalam pembinaan.
44	FRIM Kepong		8.59	Projek dalam pembinaan.
45	Kg Genting Permai Btg Kali	Hulu Selangor	2.60	Projek dalam pembinaan.
46	Peringkat 3 Kg Sg Buaya		2.40	Projek dalam pembinaan.
47	Kg Lim Tan Rawang		2.00	Projek dalam pembinaan.
48	Jln Besar Kg Keliang		3.00	Projek dalam pembinaan.
49	Shah Alam	Klang	1.40	Projek dalam pembinaan.
50	Pelabuhan Klang		1.00	Projek dalam pembinaan.
51	Seksyen 16, Shah Alam		0.70	Projek dalam pembinaan.
52	Tmn Sri Andalas		2.45	Projek dalam pembinaan.
53	Teluk Pulai		2.60	Projek dalam pembinaan.
54	Jln Menteri Sg Besar	Sabak Bernam	0.50	Projek telah siap sepenuhnya.
55	Kg Seri Tiram Jaya Tg Karang	Kuala Selangor	3.60	Projek dalam pembinaan.
56	Kg Pasifik Tin Bestari Jaya		1.10	Projek dalam pembinaan.
57	Kg Merbau Sempak	Petaling	11.60	Projek dalam pembinaan.
58	Kg Kubu Gajah	Petaling	18.80	Projek dalam pembinaan.

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
59	Jalan Cheras-Kajang	Hulu Langat	3.80	Projek dalam pembinaan.
60	Hulu Langat Road		12.40	Projek dalam pembinaan.
61	Pumping Main Taman Segar	Kuala Lumpur	1.50	Projek dalam pembinaan.
62	Pumping Main Bangsar Villa		1.80	Projek dalam pembinaan.
63	Jln Jintan Tmn Supreme		0.46	Projek dalam pembinaan.
64	Pumping Main Sri Hartamas		5.00	Projek dalam pembinaan.
65	Taman Bukit Anggerik		0.57	Projek dalam pembinaan.
66	Kg Seri Delima		1.00	Projek dalam pembinaan.
67	Kg Bandar		Kuala Langat	4.50
68	Pekan Chodoi	1.00		Projek dalam pembinaan.
69	Kg Kanchong Tengah	3.65		Projek dalam pembinaan.
70	Kg Jenjarom	10.00		Projek dalam pembinaan.
71	Kg Seri Cheding	4.80		Projek dalam pembinaan.
72	Labu Lanjut	Sepang	2.50	Projek dalam pembinaan.
73	Kaw Perusahaan Batu Caves	Gombak	2.60	Projek dalam pembinaan.
74	Kg Pasir Putih Kalumpang	Hulu Selangor	5.00	Projek dalam pembinaan.
75	Rumah Murah Rasa		1.00	Projek dalam pembinaan.
76	Tmn Seri Indah Bestari Jaya	Kuala Selangor	1.93	Projek dalam pembinaan.
77	Kg Sg Udang	Klang	2.74	Projek dalam pembinaan.
78	Tebuk Rukun Parit Baru	Sabak Bernam	3.00	Projek dalam pembinaan.
79	Sect 5 Kota Damansara	Petaling	1.00	Projek dalam pembinaan.
80	Kg Paya Jaras	Petaling	6.91	Projek dalam pembinaan.

No.	Hotspot	Wilayah	Panjang Paip (km)	Status Terkini
81	Jln Rincing Hilir	Hulu Langat	7.22	Projek dalam pembinaan.
82	Jln Beranang		3.93	Projek dalam pembinaan.
83	Jalan Sg Lui		4.00	Projek dalam pembinaan.
84	Kg Kuala Pajam		1.13	Projek dalam pembinaan.

- c) Senarai 'hotspot' akan dikaji dari masa ke semasa dan perancangan serta pelaksanaan penggantian paip adalah berdasarkan kepada keutamaan dan kemampuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaiktaraf kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan awam Negeri Selangor bertempat di Tasik Cempaka Seksyen 9 Bandar Baru Bangi agar sepadan dengan status Bangi sebagai sebuah bandar ilmu?

JAWAPAN:

1. Pihak Kerajaan Negeri menyedari bahawa Bangi adalah merupakan bandar ilmu kerana di situ terdapat banyak Institusi pendidikan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan berhampiran pula dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
2. Menyedari keperluan ini, rancangan untuk menaik taraf kelengkapan dan kemudahan Perpustakaan Daerah Hulu Langat yang terletak di Taman Cempaka, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, memang telah ada dan dimasukkan ke dalam peruntukan **Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)**, iaitu **peruntukan tahun 2019**.
3. Dua (2) buah perpustakaan daerah lain yang juga termasuk dalam peruntukan RMK-11, akan menggunakan peruntukan tahun 2018, iaitu:
 - a. Perpustakaan Awam Selangor Daerah Kuala Langat
 - b. Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Selangor.
4. Sementara itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menaik taraf beberapa perpustakaan awam lain di dalam daerah Hulu Langat dengan konsep *rebranding* seperti berikut:

Bil.	Nama Perpustakaan	Tahun Dibuka
1	Perpustakaan Awam Selangor Semenyih	2010

2	Perpustakaan Awam Selangor Ampang Waterfront	2011
3	Perpustakaan Awam Selangor Pandan Jaya	2012
4	Perpustakaan Awam Selangor Kajang	2013
5	Perpustakaan Awam Selangor Lembah Jaya	2014
6	Perpustakaan Daerah Hulu Langat (naik taraf luaran)	2016
7	Perpustakaan Awam Selangor Batu 14, Hulu Langat	2017
8	Perpustakaan Awam Selangor Taman Mawar, Cheras	2018

5. Konsep rebranding untuk perpustakaan ini dilengkapi dengan pendingin hawa, WiFi percuma, bilik multimedia, bilik kanak-kanak, bilik perbincangan, surau dan tandas yang bersih. Selain itu, perpustakaan tersebut juga turut dilengkapi dengan bilik aktiviti dan bilik seminar untuk kemudahan penduduk setempat. Ini bersesuaian dengan tagline perpustakaan iaitu PPAS Rumah Keduaku atau *PPAS My Second Home*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : TONG SAMPAH DI LUAR DAN DALAM KAWASAN SELIAAN PBT

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan memperluaskan penyediaan Tong-tong sampah besi di kawasan-kawasan tertentu di luar kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang ada sekarang?
- b) Berapa jumlah kos yang digunakan untuk tujuan tersebut mengikut setiap kerajaan tempatan yang ada di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan penyediaan tong-tong sampah jenis besi di kawasan-kawasan tertentu di luar kawasan seliaan PBT dilihat dapat mengurangkan isu sampah longgok yang dibuang di tepi jalan seperti di jalan-jalan kampung tradisi, kampung bagan dan *hot-spot* sampah. Sehubungan dengan itu, penyediaan tong sampah tersebut adalah akan diperluaskan dan akan diletakkan secara berpusat mengikut kawasan zon kutipan sampah yang dilaksanakan oleh kontraktor kutipan KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) atau kontraktor lantikan PBT sendiri. Walau bagaimanapun, penyediaan tong sampah tersebut akan diperluaskan secara berperingkat dan bergantung kepada kemampuan peruntukan/bajet kewangan PBT masing-masing.
- b) Jumlah kos yang dibelanjakan untuk menyediakan tong sampah besi oleh PBT adalah sebanyak **RM3,219,174.00**.

Bil.	PBT	Kos (RM)
1.	MBSA	483,824.50
2.	MPSJ	332,400.00
3.	MPS	103,950.00
4.	MPKJ	133,000.00
5.	MPK	192,000.00

6.	MDSB	1,974,000.00
7.	MBPJ	Tiada
8.	MPAJ	Tiada
9.	MPSp	Tiada
10.	MDKS	Tiada
11.	MDKL	Tiada
12.	MDHS	Tiada
JUMLAH		3,219,174.50

**Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PERUMAHAN SELANGORKU

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kuota rumah Selangorku yang disediakan kepada belia yang berumur 35 tahun kebawah?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan kuota kepada ADUN untuk membantu belia tempatan?
- c) Berapakah unit rumah Selangorku yang bakal dibina di DUN Jeram?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada masa ini tiada menetapkan jumlah kuota yang khusus kepada golongan belia yang berumur 35 tahun ke bawah. Walaubagaimanapun, berdasarkan rekod jumlah penawaran yang telah berjaya ditawarkan Rumah Selangorku kepada belia berumur dari 35 tahun ke bawah adalah seramai 38,038 orang pemohon iaitu 80% daripada jumlah keseluruhan penawaran nama seramai 47,548 orang pemohon.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada berhasrat untuk memberikan kuota kepada ADUN khususnya kepada golongan belia untuk memiliki Rumah Selangorku. Walaubagaimanapun, pihak ADUN boleh membantu dari segi hebahan dan galakkan kepada golongan belia untuk membuat pendaftaran Rumah Selangorku di atas talian melalui laman sesawang LPHS.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, perincian data RSKU direkod mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak diperincikan mengikut DUN. Jeram merupakan kawasan dibawah penyeliaan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Sehubungan dengan itu, jumlah Rumah Selangorku yang direkodkan dibawah seliaan Majlis Daerah Kuala Selangor yang sedang dalam pembinaan adalah sebanyak **2,167 unit** dan jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina adalah sebanyak **422 unit**. Manakala sebanyak **6,067 unit** RSKU masih dalam perancangan. Jadual rumusannya adalah seperti dibawah:-

Siap Dibina	Dalam Pembinaan	Dalam Perancangan
422	2,167	6,067
Jumlah Keseluruhan : 8,656 Unit		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : KAJIAN TEBATAN BANJIR KAMPUNG BATU 9 KEBUN BARU /
KAMPUNG SIJANGKANG**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri setelah selesai kajian tersebut dilakukan disebabkan masalah banjir dan perpindahan masih kerap berlaku?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menaiktaraf parit, longkang dan jalan raya di kawasan kajian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, kajian tebatan banjir di Kampung Batu 9 Kebun Baru / Kampung Sijangkang masih belum dilaksanakan. Permohonan telah dipohon kepada kerajaan persekutuan dengan anggaran kos pelaksanaan fizikal projek sebanyak RM35 juta.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran akan menaiktaraf parit, longkang dan jalan yang terlibat (lintasan air) mengikut keutamaan dan peruntukan semasa yang diperolehi yang dapat memberikan impak yang paling maksimum dalam mengatasi permasalahan banjir di kawasan yang dinyatakan. Untuk makluman, pihak jabatan juga turut mencadangkan pembinaan kolam takungan banjir sekiranya terdapat keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISA BUANGAN LUAR NEGARA

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Selangor atas import sisa buangan luar negara ke Malaysia?
- b) Adakah Selangor akan memberi kebenaran atas import sisa buangan dari luar negara?
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.149 daripada ADUN Hulu Kelang.

- a) Seperti yang semua sedia maklum, kebanyakan sisa plastik yang diimport dari luar negara adalah dari negara China, Eropah dan Australia melalui pelabuhan di negeri ini. Pengilang yang memproses bahan plastik yang diimport dari luar negara, perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah H.S. Code 3915.

Kerajaan Negeri telah membangkitkan kerisauan berkaitan isu ini kepada KPKT dan dalam isu ini, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa sisa buangan luar negara tidak sepatutnya diimport ke Malaysia.

- b) Kerajaan Negeri menyokong keputusan kerajaan persekutuan dalam memperketatkan syarat bagi kelulusan lesen mengimport sisa plastik dari luar negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih menggalakkan industri kitar semula bagi mengurangkan sisa sampah di Negeri Selangor. Namun bagi membolehkan sesebuah kilang plastik beroperasi, pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan kesesuaian tapak dan peralatan pemprosesan yang digunakan, selain wajib mengemukakan maklumat sumber sisa plastik yang dibeli.